



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5

Tarikh : 4 Januari 2024

PEKELILING AKADEMIK BIL. 1/2024

Semua Pelajar Program ASASIpintar

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023/2024 PROGRAM ASASIPINTAR

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimohon pelajar program ASASIpintar Sesi Akademik 2023/2024 membaca dengan teliti pekeliling ini dan mengambil tindakan seperti berikut:

- 2.1. Pendaftaran Kursus Semester 2 Sesi Akademik 2023/2024 akan dijalankan secara dalam talian melalui laman web <http://smplucee.ukm.my/smpweb>.
- 2.2. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan Nombor Pin Pelajar (NPP) masing-masing untuk mengelakkan timbulnya masalah di kemudian hari.
- 2.3. Maklumat dan kemudahan untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Aktiviti	Tempat
15.1.2024 – 28.1.2024	Pendaftaran / Tambah Kursus	Secara dalam talian https://smplucee.ukm.my/smpweb
29.1.2024 – 11.2.2024	Gugur Kursus	
12.2.2024 – 18.2.2024	Pengesahan Pendaftaran Kursus	

- 2.4 Pelajar hendaklah memastikan semua urusan pendaftaran kursus dilakukan selaras dengan peraturan seperti dinyatakan pada Perkara 2.3 di atas. **Sebarang permohonan tambah kursus selepas 11 Februari 2024 akan dikenakan bayaran caj sebanyak RM50.00.**



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8451/8388/8452/8454/8458/8459/8460/8461/8284

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik


2.5 Pelajar adalah bertanggungjawab untuk:

- 2.5.1. Mendaftar, menyemak dan mengesahkan semua kursus yang telah didaftarkan.
- 2.5.2. Memastikan maklumat peribadi di dalam SMPWeb adalah terkini pada setiap semester seperti ejaan nama, alamat surat-menyurat, alamat emel dan no. kad pengenalan.
- 2.5.3. Sentiasa prihatin mengenai notis dan pekeliling terbaharu yang dipaparkan oleh Pusat Pengurusan Akademik di dalam SMPWeb.

Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai perkara di atas, sila e-melkan kepada smpweb@ukm.edu.my / prasiswazah.akad@ukm.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat PERMATA@Pintar Negara
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Ketua Penolong Pendaftar
Pusat PERMATA@Pintar Negara
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8911 8450/8451/8388/8452/8454/8458/8459/8460/8461/8284

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik